

Bandar Putra perbandaran moden di Pahang

KUANTAN: Projek perumahan bercampur Bandar Putra di Tanjung Lumpur, di sini yang dibangunkan Pasdec Putra Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Pasdec Holdings Bhd (Pasdec) memabitkan pelaburan bernilai RM850 juta, bakal menjadikan kawasan itu sebagai sebuah perbandaran moden di negeri ini.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pasdec, Mohd Khairuddin Abdul Manan, berkata pelan induk projek itu bakal menyaksikan pembinaan lebih 3,300 unit kediaman dan komersial dalam tempoh 10 tahun yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.

"Saya yakin pelaksanaan projek Bandar Putra di Tanjung Lumpur akan terus menjadi pilihan yang tepat kepada pembeli hartanah," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan jualan pakej 6A7 projek perumahan itu yang menawarkan 38 buah



“ *Saya yakin pelaksanaan projek Bandar Putra di Tanjung Lumpur akan terus menjadi pilihan yang tepat kepada pembeli hartanah”*

**Mohd Khairuddin
Abdul Manan**
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Pasdec

rumah berkembar berharga antara RM365,740 hingga RM634,611 dengan keluasan lot 2,800 kaki persegi setiap unit.

Katanya, Bandar Putra adalah projek pembangunan bersepadu dengan status hak milik pegangan bebas seluas 417 hektar di lokasi strategik dengan tidak sampai 10 minit dari pusat bandar.

Beliau berkata, kedudukan lokasinya sangat ideal dengan ciri-ciri pembangunan dan reka bentuk yang menarik, terletak berhampiran Kompleks Yayasan Pahang dan Maahad Tahfiz Pahang yang menjadi pusat pendidikan agama Islam di negeri ini.

Sejak pelancaran projek itu dua tahun lalu, Mohd Khairuddin berkata, pembinaan fasa pertama projek memabitkan 441 unit rumah teres sederhana, rumah berkembar setingkat dan dua tingkat berjalan lancar dengan kemajuan kerja sebanyak 70 peratus.

"Bandar Putra bukan sekadar projek perumahan



PELANCARAN model rumah berkembar Pakej 6A7, Bandar Putra 2 di Tanjung Lumpur, Kuantan.

biasa, tetapi kami menawarkan sebuah pembinaan gaya hidup lengkap yang menampilkan ciri-ciri pembangunan menarik yang menggabungkan elemen gaya hidup, reka bentuk berkualiti, kehidupan

komuniti dan kejiranan yang selamat dan menjadikannya sebagai tanda aras pembangunan bersepadu eksklusif di Kuantan," katanya.

Selain itu, katanya, kedudukan Tanjung Lumpur yang

termasuk dalam kawasan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) juga memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan dan pelaksanaan projek yang diusahakan oleh syarikat berkenaan.